

PEMBENTUKAN SAHSIAH ANAK SOLEH BERDASARKAN  
SURAH LUQMAN DI SEKOLAH RENDAH ISLAM HIDAYAH

MUHAMAD RIDZUAN BIN ZAKARIA

Tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI, 2017

## DEDIKASI

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat Dan Salam Buat Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. serta sekalian ahli keluarganya.

Segala puji dan syukur ku panjatkan kehadiran Allah S.W.T di atas nikmat dan kurniaan-Nya...

Buat yang disayangi abah, emak dan mertua serta keluargaku sekalian, terima kasih di atas segala pengorbanan dan bantuan yang diberikan...

Buat isteri yang dicintai Siti Syakinah binti Ismail dan anakku Muhammad Aisy Abqari dan Rania Kamilia, yang sentiasa memberikan sokongan dan semangat dalam perjuangan menuntut ilmu ini...

Buat Guru Besar SK. Permas Jaya (1), rakan-rakan guru yang membantu dan memberikan kerjasama sepanjang pengajian ini...

Buat penyelia pengajian ini Dr. Abdul Hafiz bin Abdullah dan Ustaz Ahmad Puhad bin Alim yang memberikan tunjuk ajar dan bimbingan dalam menyiapkan tesis ini...

Jutaan terima kasih diucapkan, semoga Allah SWT membalas jasa baik dan pengorbanan yang diberikan dengan ganjaran yang besar...

## **PENGHARGAAN**

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat Dan Salam Buat Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. serta ahli keluarganya sekalian.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia penyelidikan ini, Dr. Abdul Hafiz bin Abdullah dan Ustaz Ahmad Puhad bin Alim yang memberikan bimbingan serta tunjuk ajar dalam menyediakan tesis ini.

Jutaan terima kasih buat Puan Siti Farhah binti Jaafar BEd(TEFL), yang membantu dalam penyediaan abstrak Bahasa Inggeris dalam tesis ini. Seterusnya, kerjasama rakan-rakan guru SK. Permas Jaya (1), Johor Bahru yang selalu menyokong penyelidik sepanjang pengajian ini amatlah dihargai.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menjayakan penyelidikan ini.

## ABSTRAK

Keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah mencetuskan kebimbangan serta persoalan sejauhmanakah proses pembentukan sahsiah seseorang anak selari dengan panduan Allah SWT yang terkandung dalam al-Quran. Justeru, usaha tersebut tidak hanya digalas oleh ibu bapa sebaliknya guru turut berperanan membentuk sahsiah pelajar menerusi pendidikan formal di sekolah. Sehubungan itu, dalam surah Luqman terkandung panduan pembentukan sahsiah anak soleh yang boleh membangunkan generasi yang unggul dan diredhai oleh Allah SWT. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji pentafsiran ayat 12-19 surah Luqman berdasarkan *Tafsir al-Quran al-'Azim* dan *Tafsir al-Azhar* dalam mengenal pasti pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh di Sekolah Rendah Islam Hidayah, Johor Bahru. Di samping itu juga, penyelidikan ini turut mengkaji pendekatan guru dalam membentuk sahsiah anak soleh seterusnya mencadangkan suatu garis panduan pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman. Penyelidikan secara kualitatif ini menggunakan kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada al-Quran, al-Hadis, kitab-kitab tafsir, jurnal, dan buku-buku ilmiah. Selain itu, data kajian turut diperolehi melalui kajian kepustakaan dan temu bual separa berstruktur. Data kajian dianalisis secara analisis kandungan menggunakan alat perisian Nvivo versi 10. Keesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian dilakukan dengan kaedah triangulasi data kajian yang diperolehi daripada dokumen, data temu bual dan responden yang berbeza. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat 15 pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh dan 11 pendekatan pembentukannya yang merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak. Implikasi penyelidikan membuktikan bahawa aspek-aspek yang ditekankan dalam ayat 12-19 surah Luqman mampu menghasilkan garis panduan pembentukan sahsiah anak soleh dalam membina generasi masyarakat yang harmoni serta dirahmati Allah SWT.

## ABSTRACT

The immoral behavior among school students raises concerns and question of to what extent the process of characters building is in line with the guidances of Allah SWT as contained in the Quran. It is not sole responsibility of the parents but teachers also played a role in shaping the personality of students through formal education in schools. Accordingly, the words of Allah SWT in surah Luqman contain a guide to develop character building of a student that can contribute towards the development of better generations blessed by Allah SWT. The purpose of this research is to study the interpretation of surah Luqman verse 12-19 by *Tafsir al-Quran al-'Azim* and *Tafsir al-Azhar* in identifying the basic characteristics of the formation of the personality of pious students at Hidayah Islamic Primary School, Johor Bahru. In addition, this research also examines the approaches of teachers in shaping the personality of a pious students as well as suggesting Luqman's guidelines for the establishment personality. Research was conducted in qualitative methods by analysing documents consisting of the Quran, Hadith, Tafsir books, journals and scholarly books. Meanwhile, the data obtained from the literature review and semi-structured interviews were analyzed using the method of content analysis using NVivo software version 10. The validity and reliability of results are made by the method of triangulation data between documents and interviews of different respondents. Results showed that there are 15 basic characteristics of the formation of the personality of students and 11 pious formation approach that include aspects of faith, worship and morality. The implications of the research proved that the aspects highlighted in surah Luqman verse 12-19 are able to produce guidelines of pious character building of students towards building a harmonious society and a generation blessed by Allah SWT.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>JADUAL TRANSLITERASI HURUF KONSONAN ARAB</b>	xiii
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	10
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Kepentingan Kajian	11
	1.7 Skop dan Batasan Kajian	12
	1.8 Kerangka Konsep Kajian	13
	1.9 Definisi Operasi	15
	1.10 Kesimpulan	19

<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>20</b>
2.1	Pengenalan Surah Luqman	20
2.1.1	Kaedah Pentafsiran Ayat	21
2.1.2	Intisari Kandungan Surah Luqman Ayat 12-19	22
2.1.3	Profil Luqman	23
2.1.4	Sebab Turun Ayat	25
2.2	Biodata Ibn Kathir	26
2.2.1	Guru Ibn Kathir	27
2.2.2	Karya Penulisan Ibn Kathir	27
2.2.2.1	<i>Tafsir al-Quran al- 'Azim</i>	28
2.2.3	Kematian Ibn Kathir	29
2.3	Biodata HAMKA	29
2.3.1	Latar Belakang Pendidikan Dan Guru	30
2.3.2	Kerjaya HAMKA	30
2.3.3	Karya Penulisan HAMKA	31
2.3.3.1	<i>Tafsir al-Azhar</i>	32
2.3.4	Kegiatan Kemasyarakatan	33
2.3.5	Anugerah Pencapaian	34
2.3.6	Kematian HAMKA	35
2.4	Latar Belakang Sekolah Rendah Islam Hidayah Johor Bahru, Johor	35
2.5	Pembentukan Sahsiah Menurut Islam	36
2.6	Pembentukan Sahsiah Menurut Barat	43
2.7	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Sahsiah	48
2.7.1	Pengalaman Individu	48
2.7.2	Pengaruh Genetik	49
2.7.3	Pengaruh Sosial Budaya	49
2.8	Peranan Ibu Bapa	50
2.8.1	Pendidikan Akidah	53
2.8.2	Pendidikan Ibadah	67
2.8.3	Pendidikan Akhlak	73

2.9	Kajian Lepas	84
2.10	Kesimpulan	87
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>89</b>
3.1	Pendahuluan	89
3.2	Kaedah Penyelidikan	89
3.3	Data Penyelidikan	91
3.3.1	Data Premier	92
3.3.2	Data Skunder	92
3.3.3	Sampel Kajian	93
3.4	Analisis Data	94
3.5	Keesahan dan Kebolehpercayaan	95
3.6	Kesimpulan	96
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>97</b>
4.1	Pembentukan Ciri-ciri Asas Sahsiah Anak Soleh Berdasarkan Surah Luqman Ayat 12-19 Menurut <i>Tafsir al-Quran al-‘Azim</i> dan <i>Tafsir al-Azhar</i>	97
4.1.1	Akidah	98
4.1.1.1	Mensyukuri Nikmat Allah	98
4.1.1.2	Mengesakan Allah SWT	101
4.1.1.3	Berpendirian Teguh	103
4.1.1.4	Bersikap Teliti	106
4.1.1.5	Cekal Menghadapi Ujian	109
4.1.2	Ibadah	111
4.1.2.1	Melaksanakan Solat	111
4.1.2.2	Berkeprihatinan Sosial	114



4.1.3	Akhlak	117
4.1.3.1	Mendahulukan Keutamaan	117
4.1.3.2	Berbakti Kepada Ibu bapa	120
4.1.3.3	Bersikap Rasional	122
4.1.3.4	Penyabar	125
4.1.3.5	Bersifat Empati	127
4.1.3.6	Bertatsusila Dalam Tingkahlaku dan Percakapan	131
4.2	Pendekatan Pembentukan Sahsiah Anak Soleh Berdasarkan Surah Luqman Ayat 12-19 Menurut <i>Tafsir al-Quran al- 'Azim</i> dan <i>Tafsir al-Azhar</i>	134
4.2.1	Akidah	134
4.2.1.1	Peringatan Terhadap Nikmat Allah SWT	135
4.2.1.2	Peringatan Keburukan Syirik	138
4.2.1.3	Mengutamakan Tuntutan Agama	141
4.2.1.4	Menanamkan Perasaan Pengawasan Allah SWT	144
4.2.2	Ibadah	148
4.2.2.1	Keistimewaan Pelaksanaan Solat	148
4.2.2.2	Pembudayaan <i>Amr M'aruf Nahi Munkar</i>	151
4.2.3	Akhlak	155
4.2.3.1	Kepimpinan Melalui Teladan	155
4.2.3.2	Peringatan Terhadap Jasa Ibu Bapa	158
4.2.3.3	<i>Uswah Hasanah</i>	161
4.2.3.4	Memupuk Persefahaman Insan	164
4.2.3.5	Mengutamakan Nilai Kesederhana	167

4.3	Garis Panduan Pembentukan Sahsiah Anak Soleh Berdasarkan Surah Luqman Ayat 12-19 Menurut <i>Tafsir al-Quran al- 'Azim</i> dan <i>Tafsir al-Azhar</i>	171
4.3.1	Garis Panduan Pembentukan Akidah	171
4.3.2	Garis Panduan Pembentukan Ibadah	181
4.3.3	Garis Panduan Pembentukan Akhlak	198
4.4	Kesimpulan	214
<b>5</b>	<b>Perbincangan, Cadangan dan Rumusan</b>	<b>215</b>
5.1	Pendahuluan	215
5.2	Pembentukan Ciri-ciri Asas Sahsiah Anak Soleh Berdasarkan Surah Luqman Ayat 12-19 Menurut <i>Tafsir al-Quran al- 'Azim</i> dan <i>Tafsir al-Azhar</i>	215
5.2.1	Ciri-ciri Asas Akidah	216
5.2.2	Ciri-ciri Asas Ibadah	219
5.2.3	Ciri-ciri Asas Akhlak	221
5.3	Pendekatan Pembentukan Sahsiah Anak Soleh Berdasarkan Surah Luqman Ayat 12-19 Menurut <i>Tafsir al-Quran al- 'Azim</i> dan <i>Tafsir Al-Azhar</i>	225
5.3.1	Pendekatan Asas Akidah	225
5.3.2	Pendekatan Asas Ibadah	228
5.3.3	Pendekatan Asas Akhlak	229
5.4	Garis Panduan Pembentukan Ciri-ciri Asas Sahsiah Anak Soleh Berdasarkan Surah Luqman Ayat 12-19 Menurut <i>Tafsir al-Quran al- 'Azim</i> dan <i>Tafsir al-Azhar</i>	233
5.5	Cadangan	236
5.6	Rumusan Kajian	239
	<b>RUJUKAN</b>	<b>240</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>250</b>

### Jadual Transliterasi Huruf Konsonan Arab

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا, ء	'A	ض	Ḍ
ب	B	ط	Ṭ
ت	T	ظ	Ẓ
ث	Th	ع	'
ج	J	غ	Gh
ح	Ḥ	ف	F
خ	Kh	ق	Q
د	D	ك	K
ذ	Dh	ل	L
ر	R	م	M
ز	Z	ن	N
س	S	ه	H
ش	Sh	و	W
ص	Ṣ	ي	Y

Panjang		Pendek		Diftong	
Arab	Rumi	Arab	Rumi	Arab	Rumi
ا	Ā	ا	a	او	aw
او	Ū	اُ	u	اي	ay
اى	Ī	اِ	i		

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Tingkhalku manusia boleh mencerminkan pembentukan sahsiah diri yang baik atau sebaliknya. Ahmad Munawar dan Noranizah(2012:108), menyatakan bahawa kegagalan untuk meletakkan al-Quran dan al-Sunnah dalam pendidikan Islam akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk sahsiah Muslim yang komited terhadap tuntutan agama. Sehubungan itu, isu berkaitan sahsiah sering menjadi perhatian masyarakat lebih-lebih lagi apabila ianya berlaku di kalangan pelajar. Laporan BERNAMA (Berita Harian, 4 Disember 2014), menyatakan bahawa seorang pelajar kolej berusia 18 tahun didakwa menyembunyikan kelahiran bayi dengan membuang mayat bayi tersebut di dalam tong sampah selepas dilahirkan. Keadaan tersebut dapat memberikan gambaran tentang peri pentingnya pembentukan sahsiah diri yang baik serta diredai Allah SWT.

Al-Quran merupakan panduan hidup manusia dan mengandungi contoh serta teladan yang berkait dengan pelbagai aspek kehidupan bertujuan membawa manusia ke arah jalan yang benar dan menyelamatkan manusia daripada jalan yang sesat, firman Allah SWT:

وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ

Maksud: “Dan demi sesungguhnya, Kami telah mengemukakan kepada umat manusia berbagai kisah dan perbandingan di dalam Al-Quran ini”.

(Surah ar-Ruum, 30: 58)

Menurut al-Thobari (2000: 120), Allah SWT menyatakan contoh yang dikehendaki-Nya dalam al-Quran kepada manusia sebagai peringatan terhadap keesaan-Nya. Manakala Ibn Kathir (1998: 293), menyatakan bahawa Allah SWT memberikan sesuatu keterangan dalam al-Quran agar manusia jelas tentang hakikat kebenaran dan supaya manusia menuruti-Nya. Ini jelas menunjukkan bahawa petunjuk Allah SWT merupakan panduan yang terbaik untuk manusia dalam menghadapi cabaran dan ujian kehidupan di dunia. Firman Allah SWT:

يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ  
وَيُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى  
صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Maksud: “Dengan (Al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaanNya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izinNya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus”.

(Surah al-Maa'idah, 5: 16)

Quraish Shihab (2009: 67-68), menyatakan bahwa ayat tersebut menjelaskan tujuan Allah SWT menurunkan al-Quran dan mengutuskan Nabi Muhammad SAW adalah untuk membimbing manusia ke jalan yang benar, namun begitu manfaat tersebut hanya boleh dicapai oleh manusia yang bersungguh-sungguh meneliti dan mengkajinya.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Anak merupakan keturunan kedua daripada manusia iaitu manusia yang masih kecil (Ensiklopedia Islam, 2004: 144). Manakala dalam al-Quran anak disebut sebagai berita gembira, dan perhiasan hidup (Ensiklopedia Islam, 2004: 144).

Firman Allah SWT:

فَنَادَتْهُ الْمَلَائِكَةُ وَهُوَ قَائِمٌ يُصَلِّي فِي الْمِحْرَابِ أَنَّ اللَّهَ يُبَشِّرُكَ بِيحْيَى مُصَدِّقًا

بِكَلِمَةٍ مِّنَ اللَّهِ وَسَيِّدًا وَحَصُورًا وَنَبِيًّا مِّنَ الصَّالِحِينَ

Maksud: “Bahawasanya Allah memberi khabar yang mengembirakanmu, dengan (mengurniakanmu seorang anak lelaki bernama) Yahya, yang akan beriman kepada Kalimah dari Allah, dan akan menjadi ketua, dan juga akan menahan diri dari berkahwin, dan akan menjadi seorang Nabi dari orang-orang yang soleh”.

(Surah Ali ‘Imran, 3: 39)

Menurut Quraish Shihab (2009: 103), anak merupakan suatu berita gembira yang tidak dapat dibayangkan oleh mereka yang mengukur segala sesuatu dengan

ukuran hukum-hukum alam atau hukum sebab dan akibat. Ini kerana berita yang berkait dengan kisah Nabi Zakaria dan isterinya yang dikurniakan anak ketika usia telah lanjut merupakan suatu berita yang luar daripada kebiasaan.

Di antara panduan yang terkandung di dalam al-Quran adalah berkaitan pembentukan sahsiah anak seperti yang dinyatakan dalam surah Luqman ayat 12-19. Ayat tersebut mengandungi petunjuk Allah SWT menerusi hamba-Nya, Luqman, yang dikurniakan hikmah dalam tutur kata ketika memberi pengajaran kepada anaknya yang terkandung panduan dalam membentuk sahsiah anak. Kamarul Ariffin (1998:54), menyatakan bahawa Luqman al-Hakim menentukan asas pendidikannya di atas tiga prinsip iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Ini juga selaras dengan pandangan Abdul Rashid (2003: 42), yang menyatakan bahawa pengajaran Luqman dalam al-Quran dapat diklasifikasikan kepada tiga asas utama iaitu asas akidah, asas ibadah dan asas akhlak. Rosnaaini Hamid *et al.*(2004), menyatakan bahawa pendidikan Luqman menjelaskan tentang cara untuk berinteraksi dengan Allah SWT dan sesama manusia, kedua-dua hubungan ini menjamin kesejahteraan dan keredaan Allah SWT di dunia dan akhirat.

Firman Allah SWT:

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ  
ثَوَابًا وَخَيْرًا أَمَلًا ﴿٤٦﴾

Maksud: “Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.”

(Surah al-Kahfi,18: 46)

Menurut al-Qurtubi (2008: 1049), anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia kerana mengandungi keindahan, manfaat daripada kekuatan dan pertahanan yang terdapat padanya. Namun begitu, anak yang memiliki amalan soleh lebih utama dan kekal pahalanya untuk diharapkan daripada berbangga dengan harta dan keturunan. Menurut al-Thobari (2009: 189), amalan-amalan yang kekal lagi soleh adalah lebih baik pahalanya di sisi Allah SWT daripada berbangga dengan keturunan dan harta yang banyak.

Nur Najiyah (2014:19), menyatakan bahawa di antara aspek penting dalam pendidikan Luqman yang tidak dapat dinafikan dalam ilmu pendidikan adalah pendidikan akidah kerana ia akan menjamin kehidupan yang baik pada masa akan datang. Aspek tersebut turut diakui oleh Taufik (2014:17), yang menjelaskan bahawa pengukuran terhadap sifat syukur berdasarkan pendidikan Luqman adalah kesedaran akan segala pemberian Tuhan disertai dengan ketundukan dan kesetiaan terhadap seluruh perintah dan larangan-Nya serta menuntut implementasi daripada nilai syukur tersebut dalam kehidupan yang nyata. Sementara itu, Ariffin dan Adnan (2013:138), menjelaskan bahawa dalam aspek ibadah pula ibadat solat yang ditekankan oleh Luqman dapat menghindarkan seseorang individu daripada perbuatan keji kerana solat merupakan proses penyucian rohani dan jasmani serta dapat memelihara diri agar sentiasa berada di atas landasan yang benar dan menghindarkan diri daripada terjebak dengan perbuatan dosa. Manakala daripada aspek akhlak, Agus (2014:149-150), menyatakan bahawa prinsip akhlak dalam pendidikan Luqman masih sangat relevan dengan pendidikan anak masa kini, ini kerana akhlak merupakan cerminan sahsiah diri seseorang, semakin baik akhlak seseorang maka akan semakin baik sahsiah seseorang itu.



Firman Allah SWT:

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ

Maksud : “Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian”.

(Surah al-Anfaal, 8: 28)

Menurut HAMKA (2003: 2733-2734), ayat tersebut menerangkan bahawa anak dan harta benda adalah fitnah yang bermaksud ujian. Ibu bapa akan berusaha membesarkan anak mencari nafkah dan kekayaan untuk menyara anak, disinilah mulai datangnya fitnah iaitu ujian kerana manusia boleh lupa kepada pemberi nikmat disebabkan terpujau dengan nikmat itu sendiri. Ini jelas menunjukkan bahawa harta dan anak yang dianugerah dan dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT merupakan suatu ujian dan dugaan daripada Allah SWT, untuk melihat sejauhmanakah seseorang hambaNya itu taat kepadaNya dan bersyukur di atas nikmat kurniaan-Nya. Sesungguhnya di sisi Allah SWT kebaikan dan pahala yang besar bagi orang yang bertakwa dan mentaatinya, ini kerana hasil didikan dan asuhan yang sempurna daripada ibu bapa akan memberi kesan yang baik dan manfaat yang besar kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat dan negara.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan latarbelakang kajian yang dinyatakan menunjukkan bahawa ayat 12-19 surah Luqman mengandungi suatu petunjuk yang boleh diterokai dan dikaji berkaitan pembentukan sahsiah anak soleh. Dapatan kajian Rosnaaini Hamid *et*

*al.*(2004), menyatakan bahawa hubungan sesama manusia dititikberatkan dalam pendidikan Luqman iaitu berbuat baik kepada ibu bapa dan berakhlak mulia terhadap masyarakat.

Abdul Hafiz&Hasni Noor (2016:126), menyatakan bahawa pendidikan Luqman daripada aspek kemasyarakatan dalam kehidupan seharian bertujuan membentuk sahsiah diri yang baik kepada seseorang anak apabila berhadapan dengan masyarakat. Manakala laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN 2013), yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menunjukkan bahawa pengaruh keluarga dan agama memberi kesan yang besar terhadap kesejahteraan dan kebahagiaan keluarga. Arifin & Adnan (2013: 134), menyatakan bahawa beberapa nilai murni utama yang berbentuk universal, yang ditegaskan oleh Luqman al-Hakim didalam mendidik anaknya dapat menggariskan suatu panduan pendidikan yang signifikan kepada masyarakat Islam untuk menghadapi arus globalisasi pada abad ke- 21 seperti sifat syukur, sifat sabar, sifat kesederhanaan, pegangan akidah, memuliakan ibu bapa, dan etika berjalan serta bersuara.

Justeru, nilai-nilai murni yang terkandung dalam nasihat-nasihat Luqman jika dilihat daripada aspek pendidikan mampu membentuk diri pelajar yang bersahsiah unggul. Ini selari dengan pandangan Arifin & Adnan (2013: 135), yang menyatakan bahawa usaha Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menerapkan nilai-nilai murni di sekolah adalah untuk membentuk para pelajar agar berperibadi mulia dan mampu dalam membuat keputusan berdasarkan nilai moral diri, keluarga, komuniti dan masyarakat. Khairul Hamim (2013:126), menyatakan bahawa intipati nasihat Luqman kepada anaknya perlu digunakan untuk membentuk generasi yang unggul baik dari segi intelektual atau spiritual. Agus Mubarak (2014:148), menyatakan bahawa pendidikan seharusnya mampu membentuk manusia yang mempunyai peribadi penuh dengan nilai-nilai kemanusiaan, mengenal posisinya sebagai makhluk

sosial dan mampu mengetahui statusnya sebagai hamba dihadapan Tuhan Yang Maha Esa, serta mampu melaksanakan tugasnya sebagai pemelihara kebudayaan.

Sungguhpun demikian, Zakaria Stapa *et al.* (2012: 167), menyatakan bahawa cabaran zaman moden yang melanda masyarakat hari ini seperti pengaruh media cetak dan elektronik serta kemajuan sains dan teknologi dalam era dunia tanpa sempadan, telah memburukkan keadaan kerana telah menjadikan sejumlah anggota masyarakat hilang jati diri. Menurut laporan Kumarappa (Harian Metro, 4 Disember 2013), mendedahkan bahawa sepasang suami isteri sanggup melatih tiga anak mereka yang masih dibawah umur ketika cuti sekolah untuk meragut di pesta atau karnival termasuk Karnival Jom Heboh sejak setahun lalu. Berita seperti ini amat mengecewakan dan membimbangkan serta dikhuatiri akan mempengaruhi keharmonian masyarakat. Laporan tersebut bertentangan dengan pandangan Ahmad (2011: 34), yang menyatakan bahawa usaha pendidikan negara bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berkeupayaan memberi sumbangan terhadap kemakmuran masyarakat dan negara. Manakala Ismail *et al.* (2012: 147), menyatakan bahawa penggubalan hukum-hakam dalam Islam bertujuan supaya manusia dapat menjalani kehidupan mereka dengan selesa, aman, tenteram dan teratur ketika di dunia sebagai landasan menuju ke alam akhirat dengan harapan mendapat rahmat dan keredhaan Allah SWT serta balasan syurga-Nya.

Walaupun terdapat kajian berkaitan surah Luqman seperti Konsep Pendidikan Didalam Surah Luqman dan Kaitannya Dengan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM (Kamarul Ariffin:1998), Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan Surah Luqman (Rosnaaini Hamid *et al.*:2004), Materi Pendidikan Bagi Anak Menurut al-Quran Surah Luqman Ayat 17 (Abdul Basith:2013) dan Pendidikan Anak Usia Dini Dalam al-Quran (Azhari:2014), namun kajian pembentukan sahsiah anak soleh di kalangan pelajar berdasarkan surah Luqman menurut Tafsir al-Quran al-‘Azim dan Tafsir al-Azhar belum dapat dipastikan.

Sehubungan dengan itu juga, peranan pihak sekolah dalam memberikan pendidikan dan membentuk sahsiah pelajar tidak dapat dinafikan. Ini dapat dilihat daripada usaha pihak sekolah memilih dan mengiktiraf pencapaian pelajar daripada aspek akademik dan sahsiah pelajar di sekolah. Namun begitu, adakah pembentukan sahsiah pelajar tersebut selari dengan ciri-ciri sahsiah anak soleh yang terkandung dalam surah Luqman ayat 12-19 menurut Tafsir al-Quran al-A‘zim dan Tafsir al-Azhar?. Sejuahmanakah pendekatan guru terhadap pembentukan sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman ayat 12-19 menurut Tafsir al-Quran al-A‘zim dan Tafsir al-Azhar?. Adakah hasil dapatan kajian mampu membentuk garis panduan pembentukan sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman ayat 12-19 menurut Tafsir al-Quran al-A‘zim dan Tafsir al-Azhar?. Rujukan literatur mendapati tiada kajian yang pernah dilakukan dalam menjawab persoalan tersebut.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmanakah pembentukan sahsiah pelajar di Sekolah Rendah Islam Hidayah selari dengan ciri-ciri pembentukan sahsiah anak soleh yang terkandung dalam surah Luqman ayat 12-19 menurut Tafsir al-Quran al-‘Azim dan Tafsir al-Azhar. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti sejauhmana pendekatan guru di Sekolah Rendah Islam Hidayah Johor Bahru terhadap pembentukan sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman ayat 12-19 menurut Tafsir al-Quran al-A‘zim dan Tafsir al-Azhar. Seterusnya apakah garis panduan pembentukan sahsiah anak soleh yang boleh dibentuk berdasarkan ayat 12-19 surah Luqman menurut Tafsir al-Quran al-‘Azim dan Tafsir al-Azhar. Kajian ini penting supaya nilai pendidikan Luqman yang terkandung dalam ayat 12-19 surah Luqman dapat dimplementasikan dengan sempurna seterusnya dapat memberikan impak yang positif terhadap pembangunan sahsiah diri anak yang soleh.

#### 1.4 Objektif Kajian

Penyelidik mengharapkan daripada kajian ini penyelidik dapat mencapai objektif kajian yang disasarkan iaitu:

- (1) Mengenalpasti sejauhmana pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh dalam kalangan pelajar di Sekolah Rendah Islam Hidayah Johor Bahru berdasarkan surah Luqman ayat 12-19 menurut *Tafsir al-Quran al-‘Azim* dan *Tafsir al-Azhar*.
- (2) Mengenalpasti sejauhmana pendekatan guru di Sekolah Rendah Islam Hidayah Johor Bahru terhadap pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman ayat 12-19 *Tafsir al-Quran al-‘Azim* dan *Tafsir al-Azhar*.
- (3) Mencadangkan garis panduan pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman ayat 12-19 menurut *Tafsir al-Quran al-‘Azim* dan *Tafsir al-Azhar*.

#### 1.5 Persoalan Kajian

- (1) Apakah pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh dalam kalangan pelajar di Sekolah Rendah Islam Hidayah Johor Bahru berdasarkan surah Luqman ayat 12-19 menurut *Tafsir al-Quran al-‘Azim* dan *Tafsir al-Azhar*?
- (2) Apakah pendekatan guru terhadap pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman ayat 12-19 menurut *Tafsir al-Quran al-‘Azim* dan *Tafsir al-Azhar*?

- (3) Apakah garis panduan pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman ayat 12-19 menurut Tafsir al-Quran al-‘Azim dan Tafsir al-Azhar?.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Al-Quran merupakan sumber panduan daripada Allah SWT kepada manusia untuk menempuh laluan kehidupan yang terbaik di dunia dan menjadi petunjuk dalam merungkai masalah yang dihadapi oleh manusia. Justeru, kepentingan kajian yang dijalankan diharap dapat memainkan peranan dalam memberikan panduan kepada ibu bapa untuk meningkatkan peranan dalam mendidik dan membentuk sahsiah anak soleh.

Bagi Kementerian Pendidikan Malaysia kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan untuk merangka dan memantapkan lagi pelan tindakan terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Sementara itu, bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kajian ini diharapkan boleh membantu pihak kementerian untuk merangka modul dan program-program yang mampu menyokong ke arah pembangunan masyarakat yang mempunyai nilai sahsiah anak soleh.

Di samping itu, kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru pendidikan Islam untuk mempertingkatkan pelaksanaan program-program yang boleh membentuk sahsiah anak soleh. Justeru, pelaksanaan program-program daripada Pertubuhan Dakwah Islamiah Sekolah- Sekolah Malaysia boleh diperkasakan.


Selain itu, peranan Jabatan dan Majlis Agama Islam terhadap pembangunan keluarga juga boleh diperkasakan. Justeru, kajian ini juga diharapkan boleh membantu pihak yang mengendalikan kursus perkahwinan dalam memantapkan lagi modul pengajaran dalam kursus yang dijalankan khususnya dalam membentuk sahsiah anak kelak.

Seterusnya, penyelidikan ini boleh menambah khazanah ilmu daripada dapatan kajian yang diperolehi serta diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada penyelidik-penyelidik yang lain dalam membuat kajian pada masa akan datang.

### **1.7 Skop Dan Batasan Kajian**

Skop kajian ini adalah untuk mengenalpasti pembentukan ciri-ciri asas sahsiah anak soleh dalam kalangan pelajar dan pendekatan guru terhadap pembentukan sahsiah anak soleh di Sekolah Rendah Islam Hidayah, Johor Bahru, Johor. Batasan kajian adalah terhadap pentafsiran ayat 12-19 surah Luqman menurut *Tafsir al-Quran al-'Azim dan Tafsir al-Azhar*. Responden kajian terdiri daripada 7 orang pelajar yang pernah menerima Anugerah Sahsiah Terpuji. Manakala responden guru terdiri daripada 5 orang guru Pendidikan Islam. Sehubungan dengan itu data kajian diperolehi daripada analisis kandungan dokumen dan temubual responden.

## 1.8 Kerangka Konsep Kajian



Gambar rajah di atas menunjukkan tentang kerangka konsep kajian penyelidikan berkaitan pembentukan sahsiah anak soleh menurut surah Luqman ayat 12-19. Kerangka konsep kajian ini adalah berpandukan isi kandungan ayat 12-19 surah Luqman berhubung pendidikan Luqman yang menekankan aspek akidah, ibadah dan akhlak. Aspek tersebut boleh diperhatikan dan dinilai daripada pelbagai sudut amalan kehidupan antaranya ialah daripada sudut pembentukan sahsiah. Muh Irfan (2015:15), menyatakan bahawa pendidikan Luqman menggambarkan penekanan tentang prinsip dan metodologi pendidikan terhadap anak yang meliputi pendidikan akidah, syariah dan akhlak. Sementara itu, teori al-Ghazali menjelaskan bahawa unsur yang terdapat dalam diri manusia terdiri daripada hati, roh, nafsu dan akal. Moh Sakir (2015:186), menyatakan bahawa pengenalan terhadap fungsi dan implikasi hati, akal dan nafsu adalah sebuah proses asas dalam pendidikan atau pembelajaran untuk membentuk manusia yang mempunyai hati nurani yang dilandasi oleh fitrah kerohanian. Oleh yang demikian, unsur-unsur tersebut dilihat mampu menjelaskan lagi proses pembentukan sahsiah anak soleh dalam kajian ini.



Penyelidik turut meneliti teori barat berkaitan pembentukan sahsiah iaitu teori Psikoanalitik Freud yang mengetengahkan tiga komponen pembentukan sahsiah iaitu id, ego dan superego. Asmawati *et.al*(2015:195), menyatakan bahawa teori psikoanalitik Freud merupakan teori personaliti yang agak komprehensif dan teori ini menjelaskan bahawa desakan-desakan tidak sedar berperanan sebagai penentu personaliti dan mendorong tingkah laku. Komponen id yang terbentuk daripada fikiran bawah sedar yang berperanan mengurangkan tekanan daripada desakan biologi. Sementara itu, komponen ego yang beroperasi berdasarkan prinsip realiti, membuat keputusan dan menyelesaikan sesuatu masalah. Seterusnya komponen superego yang merupakan nilai betul dan salah yang ditentukan oleh masyarakat.

Manakala teori lain yang digunakan oleh penyelidik adalah teori Pavlov yang menekankan tentang peranan latihan, ganjaran, dendaan dan pelaziman budaya masyarakat terhadap pembentukan sahsiah. Asmawati *et.al* (2015:195), menyatakan bahawa teori Pavlov menjelaskan bahawa pengalaman awal dianggap penting tetapi dalam pembentukan asas tabiat, sikap dan reaksi, kesan daripada latihan, ganjaran, dendaan daripada masyarakat lebih memberi kesan pada pembentukan personaliti manusia. Teori-teori barat yang dinyatakan dijangkakan boleh membantu penyelidik mencapai objektif kajian serta mampu mengukuhkan lagi kefahaman penyelidik terhadap kajian pembentukan sahsiah anak soleh menurut surah Luqman ayat 12-19.

## **1.9 Definisi Operasi**

Dalam ruangan ini penyelidik akan mendefinisikan perkataan yang digunakan merujuk kepada operasi kajian yang dilakukan oleh penyelidik.

### **1.9.1 Pembentukan**

Pembentukan bermaksud membentuk kebiasaan melakukan perbuatan dan sikap yang baik serta bertanggungjawab (Habib Mat Som dan Syed Kamaruzzaman, 2016:66). Manakala istilah pembentukan dalam kajian ini bermaksud perihal membentuk sifat dan sikap berpandukan nilai-nilai pendidikan Luqman yang terkandung dalam ayat 12-19 menurut Tafsir al-Quran al-‘Azim dan Tafsir al-Azhar.

### **1.9.2 Sahsiah**

Sahsiah ditakrifkan sebagai sikap atau sifat yang telah sehati dalam diri seseorang (Mohamad Affi dan Noraini, 2016: 29). HAMKA (2007: 10-11), menyatakan bahawa sahsiah merupakan kumpulan sifat-sifat, akal budi, kemahuan, cita-cita, bentuk tubuh dan kelebihan diri yang menyebabkan harga kemanusiaan seseorang berbeza daripada yang lain. Sebaliknya dalam kajian ini sahsiah bermaksud keperibadian diri pelajar Sekolah Rendah Islam Hidayah Johor Bahru, Johor yang terbentuk daripada penerapan dan amalan akhlak serta nilai terpuji dalam kehidupan seharian.

### 1.9.3 Anak Soleh

Menurut Ensiklopedia Islam (2004: 145), anak soleh adalah anak yang membesar dan setelah menjadi dewasa dia mengetahui dan mengamalkan kewajipan-kewajipan terhadap Allah SWT, orang tuanya, dan masyarakat dalam lingkungan hidupnya. Menurut Abd Murad Salleh (2012: 16), manusia yang soleh itu bermaksud dia menyembah Allah dengan ilmu yang bermanfaat dan amalan yang soleh. Manusia itu juga mengetahui hak dirinya, lalu dia menggembirakannya dengan perkara-perkara yang baik dan mensucikannya dengan amalan yang soleh. Dia juga mengetahui hak masyarakat terhadap dirinya lantas dia memberikan sumbangan kepada mereka sebagaimana mereka memberikan sumbangan kepadanya (memenuhi keperluan dirinya). Dia mengingatkan mereka sebagaimana dia mendapat nasihat daripada mereka. Dia dengan tenang dan sabar membantu mereka sebagaimana dia memerlukan bantuan mereka untuk berbakti dan bertakwa. Anak soleh dalam kajian ini bermaksud pelajar Sekolah Rendah Islam Hidayah Johor Bahru, Johor yang mengamalkan kewajipan terhadap Allah SWT, ibu bapa dan masyarakat sekitar.

Firman Allah SWT:

رَبِّ هَبْ لِي مِنَ الصَّالِحِينَ ﴿١٠٠﴾

Maksud: *“Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku anak yang terhitung dari orang-orang yang soleh!”*

(Surah as-Saaffaat, 37: 100)

Menurut al-Thobari (2000: 72), ayat tersebut bermaksud anak soleh yang taat terhadap perintah Allah SWT, menjauhi maksiat dan memakmurkan bumi serta tidak merosakkannya. Menurut al-Maturidi (2005: 557), ayat tersebut menunjukkan tentang dua sifat anak yang dituntut oleh ibu bapa yang mengharapkan dikurniakan

anak oleh Allah SWT iaitu sifat baik dan soleh supaya anak yang dikurniakan nanti mampu menjadi anak yang dapat melaksanakan perintahNya dan beribadat kepadaNya. Menurut al-Zuhaili (1418: 108), ayat tersebut bermaksud anak soleh yang mentaati Allah SWT dan memiliki sifat sopan-santun.

Firman Allah SWT:

هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَّا رَبَّهُ، قَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً إِنَّكَ

سَمِيعُ الدُّعَاءِ ﴿٣٨﴾

Maksud: “Ketika itu Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhannya, katanya:” Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisiMu zuriat keturunan yang baik; sesungguhnya Engkau sentiasa Mendengar (menerima) doa permohonan”.

(Surah Ali Imran, 3: 38)

Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا لِيَسْكُنَ إِلَيْهَا  
فَلَمَّا تَغَشَّهَا حَمَلَتْ حَمَلًا خَفِيفًا فَمَرَّتْ بِهِ، فَلَمَّا أَثْقَلَتْ دَعَا اللَّهَ

رَبَّهُمَا لِيْنِ ءَاتَيْنَا صَالِحًا لَنَكُونَ مِنَ الشَّاكِرِينَ ﴿١٨٩﴾

Maksud: “Dia lah (Allah) yang menciptakan kamu semua dari (hakikat) diri yang satu, dan Ia mengadakan daripada hakikat itu pasangannya (diri suami isteri), untuk bersenang hati dan hidup mesra yang satu kepada yang lain. Ketika suami mencampuri isterinya, mengandunglah ia dengan kandungan yang ringan, serta teruslah ia dengan keadaan itu (ke suatu waktu). Kemudian ketika ia merasa berat (dan menaruh bimbang) berdoalah suami isteri itu

*kepada Tuhan mereka (dengan berkata: " Sesungguhnya jika Engkau (wahai Tuhan kami) mengurniakan kami nikmat yang baik, tentulah kami menjadi orang-orang yang bersyukur".*

(Surah al-A'raaf, 7: 189)

Al-Thobari (2000: 308), menyatakan bahwa perkataan soleh yang dinyatakan dalam ayat tersebut bermaksud anak yang memiliki kesempurnaan dan kesejahteraan tubuh badan, agama dan akal.

Sementara itu HAMKA (2007: 276-277), menjelaskan bahwa didikan anak yang teratur sehingga dewasa untuk menjadi anak yang soleh merupakan salah satu daripada keutamaan yang menghubungkan seseorang yang telah mati dengan orang yang masih hidup. Ini selari dengan sabda Rasulullah SAW (Muslim, 1972: 1631):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: " إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ "

Maksud: "Dari Abi Hurairah, sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: Jika seseorang manusia meninggal dunia, terputus amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah; ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan untuknya"

(Riwayat Muslim)

## 1.10 Kesimpulan

Bab ini telah menjelaskan gambaran kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik berkaitan pendidikan Luqman yang terkandung dalam ayat 12-19 surah Luqman. Penyelidik juga telah menerangkan tentang latar belakang kajian yang akan dijalankan seterusnya penyelidik menjelaskan pernyataan masalah yang timbul daripada kajian yang lepas dan kesignifikan kajian penyelidik. Justeru, penyelidik telah terdorong untuk mengkaji pembentukan sahsiah anak soleh berdasarkan surah Luqman dalam kalangan pelajar di Sekolah Rendah Islam Hiayah.

Penyelidik turut menerangkan kerangka kajian ini sebagai panduan dalam kajian yang akan dijalankan. Fungsi teori-teori yang ditunjukkan dalam kerangka kajian diterangkan dengan menyatakan variabel-variabel tertentu dalam kerangka kajian untuk menunjukkan hubungan dan matlamat kajian yang akan dicapai.

Penyelidik juga telah menetapkan skop dan batasan kajian berpandukan ayat 12-19 surah Luqman menurut Tafsir al-Quran al-‘Azim dan Tafsir al-Azhar. Seterusnya, penyelidik juga telah menegaskan kepentingan kajian dan menjelaskan definisi operasi bagi istilah perkataan dalam kajian yang akan dijalankan. Hal tersebut bagi memastikan kefahaman terhadap inti pati kandungan ayat al-Quran dapat dimplementasikan dalam kehidupan seharian dengan sebaik mungkin selari dengan perkembangan hidup manusia seterusnya dapat mendorong manusia untuk mencapai kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

## RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim.

Abdul Malik Karim Amrullah. 2003. *Tafsir Al-Azhar*. Cetakan Kelima. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Abdullah Basmeih, 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.

Abdul Fatah Hasan, 2007. *Mengenal Falsafah Pendidikan*. Cetakan Pertama. Cheras: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Abdul Hafiz&Hosni Noor. 2016. Pendidikan Anak Dalam Perspektif Al-Quran. *Mualimuna*. Edisi: 1. Isu: 2. Halaman: 126.

Abdul Malik Karim Amrullah. 2007. *Peribadi*. Cetakan Pertama. Shah Alam: Pustaka Dini.

Abdul Malik Karim Amrullah. 2007. *Lembaga Hidup*. Cetakan Pertama. Shah Alam: Pustaka Dini.

Abdul Malik Karim Amrullah. 2009. *Falsafah Hidup*. Cetakan Pertama. Shah Alam: Pustaka Dini.

Abdul Murad Salleh. 2012. *Peranan Sosiologi Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Nilai Insan Soleh Dan Bertaqwa*.  
<http://www.ipislam.edu.my/index.php/research/read/96/PERANAN-SOSIOLOGI-PENDIDIKAN-ISLAM-DALAM-PEMBENTUKAN-NILAI-INSAN-SOLEH-DAN-BERTAQWA>. (4/8/2016)

Abdul Rahim M. Ali. 2001. *Ilmu Pendidikan DPM*. Cetakan Pertama. Cheras: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Abd Rashid Abd Rahim. 2001. *Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Abd Rashid Abd Rahim. 2005. *Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Sosial: Teori Dan Amalan*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Rashid Ahmad. 2003. *Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*. Terbitan Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publication&Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Razak. 2001. *Cara Memahami Islam (Metodologi Studi Islam)*. Cetakan Pertama. Bandung: Gema Media Pusakatama.
- Abdul Rouf. 2013. Tafsir al-Azhar dan Tasawuf Menurut Hamka. *Jurnal Usuluddin*. Bil 38:1
- Abdul Salam Muhamad Shukri. 2004. *Panduan Mengajar Akidah Kepada Kanak-Kanak*. Cetakan Pertama. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Agus Mubarak. 2014. Relevansi Pendidikan Akhlak Dalam Surat Luqman (31) Ayat 12-19 Dengan Pendidikan Anak Kotemporer. *Dinamika Ilmu*. Edisi: 14. Isu: 2. Halaman: 148-161.
- Ahmad Mohd Salleh. 2002. *Pendidikan Islam Dinamika Guru*. Edisi Pertama. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Ahmad Mohd Salleh. 2011. *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*. Edisi Kedua. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa, Mohd Yusof Othman dan Mashitoh Yaacob. 2012. *Islam Dalam Pendidikan Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu Di Malaysia*. Jurnal Hadhari Special Edition. Halaman: 37– 50.
- Ahmad Mohd Nakhaie. 2004. *Masyarakat Islam Hadhari*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Ahmad Munawar Ismail, Noranizah Yusuf. 2012. *Sumbangan Pendidikan dalam Memperkasakan Tamadun Bangsa: Perspektif Islam*. Sosiohumanika. Jilid 5(1): 107–122.
- Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa dan Siti Aisyah Suhaimi. 2012. *Islam Dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu*. Jurnal Hadhari Special Edition. Halaman: 143–154.
- Ahmad Sunawari Long. 2016. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Cetakan Ketiga. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Syarifuddin. t.t. *Mendidik Anak, Membaca, Menulis Dan Mencintai Al-Quran*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Synergy Media.



- Al-A'lk, Khalid Abdul Rahman. 2014. *Kitab Fiqh: Mendidik Anak Berdasarkan Al-Quran dan Sunah*, Terjemahan Nur Thairah Syamsuddin. Batu Caves: Al-Hidayah House Of Publissheer Sdn. Bhd.
- Al-Bugha, Mustaffa Dib & Muhyiddin Dib Misto. 1998. *Al-Wadih fi Ulum Al-Quran*. Cetakan Kedua. Damsyik: Darul Kalamul Toyyib & Darul Ulumul Insaniah.
- Al-Habshi, Syed Othman dan Hasnan Hakim. 2001. *Dasar Dan Pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan*. Kongres Pendidikan Melayu. 1-2 September 2001. Kuala Lumpur: Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC).
- Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa. 2001. *Tafsir Al-Maraghiy*. Cetakan Pertama. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Maturidi, Muhammad bin Muhammad bin Mahmood. 2005. *Tafsir al-Maturidi*. Cetakan Pertama. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiah.
- Al-Ghazali, Muhammad Muhammad. t.t. *Ihya' Ulumuddin*. Beirut: Dar al-M'arifah.
- Al-Ghazali, Muhammad Muhammad. 2009. *Ringkasan Ihya' Ulumuddin*, Terjemahan: Fudhailurrahman dan Aida Humaira. Jakarta: Sahara Publisher.
- Al-Huwaini, Abu Ishak. 2012. *Nasl an-Nubal bi Mu'jam ar-Rijal*. Cetakan Pertama. Kaheerah: Dar Ibn Abbas
- Al-Khazin, 'Ala' al-Din Ali ibn Muhammad. 1995. *Lubab at-Ta'wil fi Maani at-Tanziiil*. Jilid 3. Cetakan Pertama. Beirut: Darul Kutub al-Alamiah.
- Al-Qarni, 'Aid Abdullah, 2007. *Membangun Masyarakat Mithali*, Terjemahan: Yahya Nuryadi dan Ramadhani Ahmad. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Al-Qattan, Ahmad. 1998. *Pendidikan Anak Cemerlang Menurut Al-Quran Dan As-Sunah*. Edisi Pertama. Batu Caves: Pustaka Ilmi.
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Ahmad. 1964. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Cetakan Kedua. Kaheerah: Dar al-Kutub al-Misriah.
- Al-Nasafi, Abdullah Ahmad. 1998. *Tafsir an-Nasafiy*. Cetakan Pertama. Beirut: Dar al-Kalam at-Toyyib.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyiddin Yahya. 1972. *Syarah an-Nawawi 'ala Muslim*. Cetakan Kedua. Beirut: Dar Ihya' at-Turath al-'Arabi.
- Al-Razi, Abu Abdullah Muhammad Umar. 1999. *Tafsir ar-Razi: Mafatihul Ghaib*. Cetakan Ketiga. Beirut: Dar Ihya' at-Turath al-Arabi.

- Al-Zahabi, Muhammad al-Syed Husin. 2000. *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Cetakan Pertama. Kaherah: Maktabah Wahbah
- Allaport, G. W. 1966. *Traits revisited*. *American Psychologist*. 21: 1.
- Arifin Mamat dan Adnan Abd Rashid. 2013. Aplikasi Nilai-nilai Murni Berlandaskan Tema Luqman al-Hakim di dalam Al-Quran sebagai Asas Pendidikan. *Sosiohumanika*. Jilid 6(2): 133–142.
- Asmawati Desa, Getrude Cosmas, Mariny Abdul Ghani, Siti Rozaina Kamsani. 2015. *Penghantar Psikologi*. Cetakan Pertama. Subang Jaya: SJ Learning.
- Al-Sobuni, Muhamad Ali. 1996. *Sejarah dan Dasar Pengajian Ilmu al-Quran*. Terjemahan: M. Junaid al-Hashimi. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher.
- Al-Thobari, Abi Jaafar Muhammad. 2000. *Jami' al-Bayan fi T'a'wilil Quran*. Cetakan Pertama. Beirut: Muassasah ar-Risalah.
- Al-Zuhaili, Wahbah Mustaffa. 1997. *Tafsir al-Munir*. Edisi Kedua. Damsyik: Dar al-Fikr al-Muasir.
- Al-Zuhaili, Wahbah Mustaffa. 2001. *Tafsir al-Wasit Lil Zuhaili*. Edisi Pertama. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Azizi Jaafar. 2015. *Falsafah Pendidikan Di Malaysia*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Pelangi Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin dan Za'aba Helmi Khamisan. 2008. *Peranan Pendidikan Islam Dan Pendidikan Moral Dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan. 22-23 Oktober 2008. Universiti Teknologi Malaysia. Halaman: 1–18.
- BERNAMA. 2014. *Pelajar Menangis Teresak-esak Ketika Dihukum Penjara 18 Bulan Sembunyi Kelahiran Bayi*. <http://www.bharian.com.my/node/21526> (4.12.2014).
- Che Haslina Abdullah. 2013. *Pembinaan Tamadun Islam Seimbang Melalui Psikologi Islam*. *Jurnal Hadhari*. Jilid 5(1): 199–213.
- Chua, Yan Piaw. 2011. *Kaedah Penyelidikan*. Edisi Kedua. Shah Alam: McGraw Hill Education.
- Danial Zainal Abidin. 2012. *Quran Saintifik: Meneroka Kecemerlangan Quran Daripada Teropong Sains*. Cetakan Kesembilan. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.

- Didin Hafidhuddin. 2003. *Islam Aplikatif*. Edisi Pertama. Jakarta: Gema Insani Press.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah dan Lukman Abd. Mutalib. 2013. *Pemahaman Dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan Dalam Pengajaran*. The Online Journal of Islamic Education Pemahaman. Vol 1(1): 1–16.
- Fathi Yakan. 1985. *Generasi Muda dan Perubahan*. Cetakan Pertama. Batu Caves: Pustaka Salam.
- Feldman. R. S. 1994. *Essentials of understanding Psychology*. New York: McGraw-Hill.
- Ghazali Darusalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- H. Ramayulis. 2002. *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: Kalam Mulia.
- Habib Mat Som dan Syed Kamaruzzaman. 2016. Penerapan Nilai Moral Dan Akhlak bagi Menjana Kelestarian Alam Sekitar dalam Pengajaran Dan Pembelajaran: Satu Perbincangan. *Jurnal Isu Dalam Pendidikan*. Isu: 40. Halaman: 66.
- Hamidah Sulaiman, Zawawi Ismail dan Rorlinda Yusof. 2013. *Kecerdasan Emosi Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah: Aplikasinya Dalam Membentuk Akhlak Remaja*. The Online Journal of Islamic Education. Vol 1(2): 51–57.
- Haron Din. 2002. *Manusia Dan Islam*. Jilid 1. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Yahya. 2004. *Mari Belajar Tentang Islam*, Terjemahan Rohidzir Rais. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: SABA Islamic Media.
- Harun Azhar dan Abdullah Nawi. 2004. *Metodologi Penyelidikan Ekonomi Dan Sains Sosial*. Singapore: Thomson Learning.
- Hasan Al-Banna Mohamed. 2009. *Penekanan Akhlak Dan Moral Dalam Pembentukan Kepimpinan Islam Berkualiti*. Seminar Nasional Kepimpinan dan Politik Dalam Era Perubahan dan Krisis Dilema dan Cabaran Masyarakat Negara Membangun. <https://www.mendeley.com/profiles/hasan-al-banna-mohamed/>, (6.7.2015).
- Hawwa, Said. 1989. *al-Asas fi al-Tafsir*. Jilid 8. Kaherah: Dar as-Salam.
- Ibn Hajar, Ahmad Ali. 1379H. *Fathul Bari Syarah Shohihul Bukhari*. Jilid 2. Beirut: Darul Ma'rifah.

- Ibn Kathir, Abu Fida Ismail. 1998. *Tafsir Al-Quran Al-'Azim*. Tahkik: Muhammad Husin Shamsuddin. Cetakan Pertama. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiah.
- Kamus Dewan. 2010. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Hamim. 2013. Konsep Pendidikan Anak Dalam Al-Quran Surah Luqman. *Jurnal Penelitian Keislaman*. 9 (1): 113-127.
- Koentjaraningrat. 1977. *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*. Cetakan Pertama. Jakarta: Gramedia.
- Kumarappa. K.M. 2013. *Didikan Songsang*. <http://www.hmetro.com.my/articles/Didikansongsang/Articles> (4.12.2013).
- Lew, Moi Mooi, Noliz Jaafar dan Norulazilah Md.Nordin. 2015. *Perkembangan Kanak-Kanak*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Pelangi Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- LPPKN. 2013. *Ringkasan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011*. LPPKN.[http://www.lppkn.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=300&Itemid=924&lang=ms](http://www.lppkn.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=300&Itemid=924&lang=ms) (30.4.2014).
- Lukas S. Musianto. 2002. *Perbedaan Pendekatan Kuantitatif Dengan Pendekatan Kualitatif Dalam Metode Penelitian*. *Jurnal Manajemen & Kewirausahaan*. Jilid 4(2): 123–136.
- Maisarah Saidin, Latifah Abd Majid. 2012. *Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Melalui Bahan Bacaan Bahasa Malaysia*. *Jurnal Hadhari*. Jilid 4(1): 77–102.
- Mardzelah Makhsin. 2003. *Pendidikan Islam 2*. Edisi Pertama. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Mawaddah Abdullah. 2010. *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar*. <http://eprints.utm.my/10835/>. Halaman 1-9, (3.4.2014).
- Moh Sakir. 2015. Pesantren Sebagai Basis Pendidikan Spiritual Dalam Pembentukan Karakter Jati Diri Manusia. *Jurnal Kependidikan dan Kemasyarakatan*. Jilid 13(2): 186.
- Mohd Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid. 2010. *Peranan Sekolah Dan Guru Dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan*. MALIM-Sea Journal of General Studies. [http://www.myjournal.my/filebank/published\\_article/23385/Artikel\\_9.PDF](http://www.myjournal.my/filebank/published_article/23385/Artikel_9.PDF) (18.3.2014).

- Mohd Fadzilah Kamsah dan Rahmat Ismail. 1996. *Kecemerlangan Mendidik Anak*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- M. Quraish Shihab. 2009. *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*. Cetakan Pertama. Jakarta: Penerbit Lentera Hati.
- Mok Soon Sang. 2012. *Falsafah Dan Pendidikan Di Malaysia*. Edisi Ketiga. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mohd Zuber Zain, Abdul Halim Ali dan Raja Ahmad Shalaby. 2005. *Pak Lah dan Pendidikan*. Cetakan Pertama. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muh Irfan. 2015. Nilai-nilai Pendidikan Karakter Dalam AL-Quran (Studi QS Luqman: 12-19). *Irfani*. 11(1): 14-27.
- Muhammad Muhammad Ismail. 2003. *Membentuk Jiwa, Tauhid & Akhlak Mulia Petunjuk Rasulullah*. Cetakan Pertama. Batu Caves: Al-Hidayah Publishers.
- Muhsin Hariyanto. 2011. *Metode Tafsir Al-Quran*. <http://muhsinhar.staff.umy.ac.id/metode-tafsir-al-quran/>. (25.7.2016).
- Muslim, Al-Hajjaj Abu Al-Hasan Al-Qusyairi Al-Naisaburi. t.t. *Shahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' at-Turath al-'Arabi.
- Mustafa Daud. 2004. *Pendidikan Keibubapaan: Satu Pengenalan Ringkas*. Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004). 4-6 September 2004. Hotel City Bayview, Langkawi.
- Nashruddin Baidan. 2005. *Wawasan Baru Ilmu Tafsir*. Cetakan Pertama. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Noraini Idris. 2013. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Edisi Kedua. Shah Alam: McGraw Hill Education.
- Noriati A. Rashid, Lee Keok Cheong, Zulkifli Mahayudin dan Zakiah Noordin. 2012. *Falsafah & Pendidikan Di Malaysia*. Cetakan Pertama. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Norrazanah Ibrahim. 2010. *Menangani Gejala Pembuangan Bayi: Sejauh mana Peranan Dan Tanggungjawab Ibu Bapa Dalam Mendidik Anak-Anak*. Jurnal Institut Latihan Islam Malaysia. Bil 3:34.
- Norsaleha Mohd Salleh, Ab. Halim Tamuri dan Salleh Amat. 2013. *Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Penghayatan Akidah*. International Journal of Islamic Thought. Vol 3(June): 71–80.

- Nur Najiyah Ghazali. 2014. *Kesan Penggunaan Buku Bersiri Luqman al-Hakim Terhadap Perlakuan Nilai Akidah Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris; Tesis Sarjana.
- Palaniappan, Ananda Kumar. 2009. *Penyelidikan Dan SPSS*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Raja Ahmad Shalaby, Siti Zabeha Ibrahim dan Mohd Zuber Zain. 2004. *Tokoh-Tokoh Guru Nusantara*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ratna Roshida Abd. Razak dan Nik Haslinda Nik Hussain. 2007. *Peranan Institusi Keluarga Dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun*. Jurnal Kemanusiaan. Bil: 9. Halaman: 73.
- Rusydi Hamka. 2002. *Hamka Pujangga Islam Kebanggaan Rumpun Melayu Menatap Peribadi dan Martabatnya*. Cetakan Pertama. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn Bhd.
- Saedah Ghani. 1995. *Gejala Sosial Dalam Institusi Kekeluargaan*. Bengkel Kaunseling Ke 13. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sakinah Salleh. 2011. *3i: Islam, Iman, Ihsan*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Salahuddin Abdullah dan Omar Khalid. 2009. *Tafsir Mubin*. Juzuk 1-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsul Nizar. 2012. Prof. Dr. Hamka (1908-1981) *Dinamika Sosial Intelektual & Pemikirannya Tentang Pendidikan Islam*. Cetakan Pertama. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Siti Zainab Sugiman. 2009. *Faktor-Faktor Yang Mempunyai Hubungan Dengan Pembangunan Modal Insan Di Kalangan Pelajar Tahun Empat Fakulti Pendidikan UTM*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Taufik Nugroho. 2014. Pendidikan Karakter Dalam Al-Quran (Studi Tafsir Pendidikan Surat Luqman). *Jurnal Ulumuddin*. Edisi: 4. Isu: 1: 17.
- Ulwan, Abdullah Nashih. 2012. *Pedoman Pendidikan Anak dalam Islam*. Jilid 1-2. Edisi Malaysia. Cetakan Pertama. Batu Caves: Victory Agencie.
- Usep Taufik Hidayat. 2014. Tafsir Al-Azhar: Menyelami Kedalaman Tasawuf HAMKA. International Conference on Islamic Nusantara: "Islam Nusantara: Past and Present". 24 September 2014. Jakarta: Fakultas Adab dan Humaniora UIN Syarif Hidayatullah.
- Yusuf al-Hajj Ahmad. 2014. *Sains Moden Menurut Perspektif Al-Quran dan As-Sunah*. Cetakan Pertama. Kempas: Perniagaan Jahabersa.

- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf dan Abdul Fatah Shahrudin. 2012. Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah. *Jurnal Hadhari Special Edition*. Halaman: 7–22.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf. 2012. Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*. Halaman: 155–172.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf dan Abdul Fatah Shahrudin. 2012. Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari Special Edition*. Halaman: 129-141.